

**Rancangan Penswastaan Krematorium Cheras Ditangguh, Kata Raja Nong Chik Bernama
27 Mei, 2012**

KUALA LUMPUR, 27 Mei (Bernama) -- Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telahpun diarahkan untuk menangguh rancangan penswastaan Krematorium Cheras, kata Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin.

"Pihak DBKL akan mencari jalan penyelesaian terbaik mengenai masalah itu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan kempen gotong-royong membersihkan kawasan di sekitar kediaman anjuran Persatuan Penduduk Blok P20, Jalan Pantai Dalam di sini hari ini.

Raja Nong Chik berkata arahan itu dikeluarkannya dua minggu lepas, namun beliau tidak mahu menyatakan sampai bila tempoh penangguhan itu akan dilaksanakan.

Beliau bagaimanapun memberi jaminan bahawa pihak kementerian dan DBKL akan memberi perhatian terhadap isu itu dan menyelesaikannya.

Untuk itu, katanya, cadangan Presiden MIC Datuk Seri G Palanivel supaya Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak masuk campur menyelesaikan isu tempat pembakaran mayat berusia 37 tahun itu tidak perlu dibangkitkan lagi.

Pada Jumaat lepas, Palanivel menyarankan supaya Perdana Menteri masuk campur dalam menghentikan rancangan penswastaan krematorium itu oleh DBKL kerana kos pengurusan pembakaran mayat akan meningkat daripada RM100 seorang pada masa kini kepada lebih RM500 sekiranya diswastakan.

Menyentuh kekecohan yang tercetus pada satu ceramah anjuran Umno dan sebuah parti pembangkang yang diadakan secara berasingan dengan jarak yang dekat di Pantai Dalam, Khamis lepas, Raja Nong Chik yang juga Ketua Umno Lembah Pantai berkata beliau akan membuat kenyataan mengenai perkara itu esok.

Semalam, Ketua Pemuda Umno Lembah Pantai Datuk Mohamad Sazali Kamilan berkata beliau menolak dakwaan kononnya mereka adalah pencetus kekecohan pada ceramah pembangkang itu dan menurutnya ia berpunca daripada ucapan berbentuk provokasi oleh pembangkang terhadap Pemuda Umno, namun tidak pasti siapa yang memulakan insiden tersebut.

Dalam pada itu, Raja Nong Chik mahu penduduk di sekitar Pantai Dalam di sini mengamalkan amalan gotong-royong bagi membanteras kes denggi yang semakin meningkat berbanding tahun lepas di kawasan berkenaan.

Katanya, DBKL dan Alam Flora Sdn Bhd akan turut memberi bantuan kepada penduduk menerusi kerja-kerja pembersihan kawasan sekitar Pantai Dalam secara berkala demi memastikan kawasan berkenaan bebas dari pembiakan nyamuk aedes.

Sampah sarap, air yang bertakung dan air longkang yang tersumbat perlu dibersihkan dengan segera kerana ia akan menjadi tempat nyamuk aedes bertelur dan membiak dengan cepat, katanya.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=668944>